

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah halatuju dasar tenaga untuk Malaysia dan apakah impak dasar tersebut terhadap harga gas yang dijual di Malaysia kepada sektor tenaga dan bukan tenaga.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan kajian Dasar Tenaga Negara atau *National Energy Policy* (NEP) dan Pelan Halatuju Gas Asli atau *Natural Gas Roadmap* (NGR) sebagai antara strategi sektor tenaga di dalam Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12).
2. Dasar Tenaga Negara ini merupakan dasar baharu yang komprehensif dan merupakan *umbrella policy* atau dasar induk yang akan menentukan dasar dan arah tuju strategik jangka masa panjang sektor tenaga negara. Dasar ini akan dijadikan panduan untuk menangani pelbagai isu merentas sektor yang menggunakan tenaga selain menggariskan langkah tindak balas kepada trend global mengenai peralihan tenaga.
3. Sementara itu, NGR merupakan *feeder policy* kepada NEP yang akan menggariskan peranan jangka panjang bahan api gas untuk sektor elektrik dan bukan elektrik. Ini termasuk aspek pembekalan dan permintaan masa hadapan (*supply and demand*) selain strategi untuk meningkatkan persaingan melalui kawal selia Akses Pihak Ketiga atau "*Third Party Access*" (TPA) dalam pasaran gas domestik kearah memastikan harga yang kompetitif. Harga gas yang kompetitif melalui persaingan yang adil akan menarik pelaburan di sektor hulu minyak dan gas dan seterusnya memastikan jaminan dan kemampunan bekalan tenaga jangka masa panjang negara.

Sekian, terima kasih.